



GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PROGRAM INTEGRASI ANTARA SARJANA MUDA
DAN SARJANA
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sentiasa menyokong inovasi ke arah pendidikan fleksibel termasuk dari segi kesinambungan laluan pendidikan dan pembangunan kurikulum tersedia masa hadapan.
- 1.2 Salah satu inisiatif yang dicadangkan adalah pelaksanaan program integrasi Sarjana Muda dan Sarjana. Program integrasi ini merujuk kepada penawaran kursus teras dalam program Sarjana sebagai kursus elektif dalam program Sarjana Muda.
- 1.3 Program integrasi ini bertujuan untuk memberi motivasi kepada pelajar Sarjana Muda untuk menyambung pengajian ke peringkat pascasiswazah dan seterusnya dapat meningkatkan enrolmen pelajar pascasiswazah tempatan dan antarabangsa dalam UTHM.
- 1.4 Garis panduan ini bertujuan menyelaras pelaksanaan program integrasi Sarjana Muda di UTHM.

2.0 PRINSIP UTAMA

- 2.1 Kursus-kursus teras program Sarjana akan ditawarkan sebagai kursus elektif integrasi kepada pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian bagi program Sarjana Muda. Program Sarjana Muda perlu memastikan keperluan minimum Body of Knowledge (BoK) dipenuhi sebelum menawarkan kursus elektif integrasi tersebut.
- 2.2 Mod pengajian program Sarjana yang dibenarkan untuk pelaksanaan integrasi ialah Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran sahaja. Kedua-dua program Sarjana

Muda dan Sarjana perlu memiliki perakuan akreditasi penuh daripada badan akreditasi

3.0 PELAKSANAAN PROGRAM INTEGRASI SARJANA MUDA DAN SARJANA

- 3.1 Pelaksanaan program integrasi Sarjana Muda tidak terhad kepada pelajar UTHM sahaja. Sekiranya ia melibatkan pelajar dari PPT berbeza, UTHM perlu mengadakan perjanjian tatacara pelaksanaan bersama dengan PPT terbabit.
- 3.2 Pelaksanaan program integrasi Sarjana Muda dan Sarjana perlu memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

3.2.1 Program Akademik

Semua program Sarjana Muda yang mempunyai program Sarjana dalam bidang berkaitan boleh memohon untuk melaksanakan program integrasi.

3.2.2 Penawaran Kursus Elektif

- a. Kursus teras program Sarjana akan ditawarkan sebagai kursus elektif integrasi di peringkat Sarjana Muda dengan menggunakan kod kursus program Sarjana. Program Sarjana Muda yang terlibat perlu mendapatkan kelulusan Senat sebelum menawarkan kursus elektif tersebut.
- b. Penawaran kursus elektif perlu mematuhi tatacara penawaran kursus yang sedang berkuatkuasa.
- c. Staf yang mengajar kursus elektif dalam program integrasi Sarjana Muda mesti berkelayakan untuk mengajar program Sarjana.

3.2.3 Syarat Permohonan Pelajar

- a. Pelajar perlu memperoleh Purata Himpunan Nilai Mata (CGPA) sekurang-kurangnya 2.50 untuk membolehkan pelajar memohon mengikuti program integrasi Sarjana Muda.
- b. Pelajar perlu memohon untuk mengikuti kursus elektif integrasi pada semester sebelum pelajar berada di tahun akhir
- c. Permohonan pelajar perlu mendapat sokongan Ketua Program dan diluluskan oleh Dekan Fakulti.
- d. Keputusan permohonan pelajar perlu dimaklumkan sebelum pelajar berada di tahun akhir.

3.2.4 Pelaksanaan Kursus Elektif Integrasi

- a. Sekiranya diluluskan, pelajar boleh mengambil kursus-kursus teras program Sarjana yang ditawarkan sebagai kursus elektif pada tahun akhir pengajian
- b. Jumlah kredit bagi kursus elektif yang boleh didaftarkan adalah tertakluk kepada kemampuan fakulti dalam menawarkan kursus elektif tersebut

3.2.5 Permohonan Pindah Kredit ke Program Sarjana

- a. Pelajar perlu memenuhi syarat kelayakan masuk ke program Sarjana secara kerja kursus atau mod campuran yang akan diikuti.
- b. Kursus-kursus teras program Sarjana yang telah diambil sebagai elektif integrasi dalam program Sarjana Muda boleh dipertimbangkan untuk pindah kredit secara menegak (*vertical*). Pelajar perlu lulus kursus elektif integrasi tersebut dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B (65%).
- c. Maksimum pindah kredit adalah 30% daripada jumlah kredit bergraduat program Sarjana yang akan diikuti.

3.2.6 Yuran

- a. Yuran tambahan akan dicaj kepada pelajar sekiranya jumlah kredit yang diambil melebihi kredit bergraduat. Sebagai contoh:
 - i. Pelajar berhasrat untuk mengambil 3 kursus elektif integrasi bagi menggantikan 3 kursus elektif wajib fakulti, dengan jumlah kredit yang sama. Pelajar tidak perlu membayar yuran tambahan.
 - ii. Pelajar berhasrat untuk mengambil 3 kursus elektif integrasi. Salah satu kursus elektif integrasi tersebut akan menggantikan satu kursus elektif wajib fakulti dengan nilai kredit yang sama. Pelajar akan dikenakan bayaran yuran tambahan bagi 2 kursus elektif integrasi yang diambil.
- b. Kadar yuran adalah tertakluk kepada kadar yuran sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

4.1 Fakulti

- a. Membangunkan dan mendapatkan kelulusan bagi pelaksanaan program integrasi.
- b. Menguruskan permohonan mengikuti program integrasi.
- c. Memastikan pelaksanaan kursus elektif integrasi mengikut standard dan kualiti yang ditetapkan.
- d. Menguruskan penawaran kursus elektif intergrasi.
- e. Menguruskan permohonan pindah kredit pelajar.

4.2 Pejabat Pengurusan Akademik

- a. Mendaftarkan kursus elektif integrasi ke dalam sistem pengurusan akademik sedia ada.
- b. Menguruskan penawaran kursus elektif integrasi.
- c. Memaparkan keputusan pencapaian kursus elektif intergrasi di dalam transkrip pelajar.

4.3 Pusat Teknologi Maklumat

Menambahbaik sistem sedia ada bagi tujuan perekodan kursus elektif integrasi.

4.4 Pusat Siswazah

Menguruskan permohonan pindah kredit pelajar.

4.5 Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik

- a. Membangunkan garis panduan program integrasi berdasarkan standard dan pekeliling semasa.
- b. Memantau dan memastikan pelaksanaan program integrasi mengikut garis panduan yang dibangunkan.

4.6 Bendahari

Menguruskan pembayaran yuran tambahan pelajar yang mengikuti program integrasi.

